

08/08/1997

Hak asasi manusia bukan milik 'Uncle Sam'

Abdurrahman Haqqi

MINGGU lalu, Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeleine Albright dilaporkan berkata, PBB tidak perlu mengkaji semula Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 kerana ia sudah lama diterima pakai di seluruh dunia. Oleh itu, negaranya akan menentang sebarang usaha untuk 'mencairkan' deklarasi berkenaan.

Pandangan dan amaran Albright itu dikeluarkan ekoran munculnya cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai penafsiran semula deklarasi yang berumur 50 tahun itu. Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, selepas menjelaskan realiti keanggotaan PBB sekarang menyatakan: "Apa yang dicadangkan oleh Perdana Menteri ialah peluang untuk negara dan individu berkenaan melihat semula beberapa peruntukan tertentu. Saya rasa ini permintaan munasabah."

Deklarasi universal yang diisytiharkan pada 10 Disember 1948 dan mengandungi 30 peruntukan jika dibandingkan deklarasi Qurani 1418 tahun lalu memang sangat ketinggalan zaman. Deklarasi milik Barat ini, jika kita boleh menganggapnya demikian kerana ketika ia diisytiharkan Timur baru mula bermunculan dalam sejarah dunia moden, sebenarnya belum sempurna untuk dijadikan deklarasi universal. Ketidaksempurnaannya terletak pada beberapa peruntukan yang tidak boleh diterima pakai oleh beberapa negara dunia sekarang. Di samping itu, beberapa peruntukannya juga tidak pernah dikuatkuasakan oleh Barat khususnya Amerika Syarikat.

Sebagai contoh, Peruntukan 6 (1) menyatakan "Men and women of full age, without any limitation due to race, nationality or religion, have the right to marry and to found a family." Negara Islam yang mewakili suku dunia tidak akan menerima pelaksanaan daripada perkataan '...religion' di dalamnya kerana ada beberapa panduan asasi dalam Islam mengenainya. Begitu juga, contoh untuk perkara kedua di atas, dengan Peruntukan 5 yang menyatakan: "No one shall be subjected to torture or to cruel, inhuman or degrading treatment or punishment." Ramai umat Islam dan warga Timur di Barat khususnya Amerika Syarikat tidak memperolehinya. Berulangnya masalah jilbab di Perancis, perkauman di Jerman dan penganiayaan Dr Umar Abdul Rahman di Amerika adalah salah satu contoh yang ketara.

Kerana ketidaksempurnaan inilah, umat Islam mempunyai deklarasi hak asasi manusia sendiri. Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada 5 Ogos 1990 mengisytiharkan Deklarasi Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia Dalam Islam. Ia mengandungi 25 peruntukan dengan Peruntukan 25 menyatakan: "The Islamic Shariah is the only source of reference for the explanation or clarification of any of the articles of this Declaration."

Kita tidak tahu apakah umat dan agama lain mempunyai deklarasi tersendiri seperti yang kita miliki. Mengenai diri kita sendiri, kita maklumi kita memang sangat prihatin dengan setiap tindak-tanduk kita sebagai khalifah dan sebahagian daripada anggota masyarakat dunia. Maka kita tidak pernah ketinggalan untuk bergerak aktif di dalamnya. Tentunya dengan acuan Syariat Islam.

Untuk itu, Deklarasi Kaherah bertujuan, seperti dalam pembukaannya, 'memberikan sumbangan dalam usaha untuk mempertahankan hak asasi manusia, memelihara manusia daripada dieksploitasi dan ditindas, dan untuk memperkukuh kebebasan dan hak mereka dalam memperolehi kehidupan yang bermartabat yang selari dengan syariat Islam seperti difirmankan dalam al-Quran maksudnya: "Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang dikurniakan Allah kepadamu, pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau

melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia." - (QS. al-Qasas: 77).

Kebaikan dunia, seperti dikatakan al-Mawardi (w. 450 H) dalam kitabnya Adab ad-Dunya wa ad-Din boleh dilihat dari dua sisi iaitu peraturan yang mengatur semua urusan dan saranan yang menjamin baiknya keadaan individu. Kedua-dua sisi itu mestilah disepadankan agar kebaikan dunia dapat diwujudkan. (Hal. 134).

Pandangan al-Mawardi itu pasti lebih jelas jika kita perhatikan apa yang ditulis al-Ghazali (w. 504H). Beliau menyatakan "Peraturan agama tidak dapat berjalan dengan baik tanpa peraturan dunia. Peraturan agama, dengan ma'rifah dan ibadat, tidak dapat dicapai kecuali dengan badan yang sihat, kesinambungan hidup, keperluan asasi yang dipenuhi. Peraturan dunia adalah syarat terwujudnya peraturan agama." - (al-Iqtisad fi al-I'tiqad, 135).

Dengan adanya Deklarasi Kaherah, umat Islam sejagat memberikan sumbangan demi keharmonian dan kejayaan umat manusia dalam menempuh kehidupan bersama. Mereka telah mengutarakan prinsip yang diberikan oleh agama mereka mengenai hak asasi manusia. Jika pada 1948 umat Islam belum diwakili, dengan wujudnya Deklarasi Kaherah itu cukuplah ia sebagai bukti umat Islam tidak menerima keseluruhan deklarasi Hak Asasi Manusia PBB dan mereka mahukan pengkajian semula beberapa peruntukannya agar sesuai dengan realiti semasa.

Realiti semasa masyarakat yang berasaskan 'information society' atau masyarakat bermaklumat sudah tidak boleh lagi ditipu dan dipermainkan oleh kuasa dunia. Dengan kecanggihan dunia tanpa sempadan pada hari ini, dalam hal ini kita mesti berterima kasih kepada Barat, sulit bagi setiap negara untuk menutupi aktiviti-aktiviti mereka.

Malangnya, Barat dengan jenteranya masih mempertahankan keegoannya dalam perkara hak asasi manusia sehingga kita tidak mendengar seorang Fatimah di Kanada tak boleh bersekolah kerana berjilbab manakala si fulan yang berasal dari negara membangun menjadi wira demokrasi dunia pada hal dia sebenarnya bukan apa-apa di negaranya.

Barat berdiam diri dalam perkara hak asasi manusia di Turki dan Algeria tetapi memperjuangkannya secara besar-besaran di Myanmar yang masih disebut Burma oleh mereka.

Hak asasi manusia sekarang masih dalam persepsi Barat. Oleh itu, cadangan Malaysia untuk 'membarattimurkannya' mestilah diambil kira dan diperjuangkan secara sungguh-sungguh agar ia berhasil dan sempena kelima puluh tahunnya nanti kita mempunyai 'Universal Declaration of Human Rights' (Amendment 19978). Bersatulah, wahai Timur!

(END)